

# **AMANAT**

**YBHG. DATO' MARIAM MAS BT YACOB  
PENGERUSI  
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN  
KELUARGA NEGARA (LPPKN)**

**di  
PERHIMPUNAN BULAN APRIL**

**21 APRIL 2016 (KHAMIS)  
DEWAN BESAR LPPKN**

Bismillah hirahmanirrahim

Asalamssalamualaikum W.B.T

Salam Sejahtera, Salam Kekeluargaam,

Yang Berbahagia Dato' Dr. Siti Norlasiah binti Ismail

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga  
Negara

YBrs. Dr. Anjli Panalal Doshi

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

YBrs. Dr. Dolly Amy Harold

Pengarah Sektor Teknologi Maklumat selaku Penganjur  
Perhimpunan Bulanan LPPKN bagi bulan April

YBrs. Encik Khairul Nizam Ahmad

Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan LPPKN

Pengarah-Pengarah Sektor

Pengarah-Pengarah Negeri

Warga kerja LPPKN

## **PENDAHULUAN**

1. **ALHAMDULILLAH**, segala puji dan syukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana limpah dan kurniaNya dapat bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan LPPKN bagi kali Ke-Empat tahun 2016. Tema yang dipilih iaitu **Meniti Detik 50 hari Sambutan Jubli Emas LPPKN** amat bertepatan sekali bagi menyemarakkan lagi pengisian sambutan ulang tahun ke 50 penubuhan LPPKN yang bakal diraikan pada tanggal 10 Jun 2016.

2. Saya diberi maklum tuan rumah bagi Perhimpunan kali ini ialah Sektor Teknologi Maklumat. Terima kasih kepada penganjur yang memungkinkan majlis kita pada petang ini diadakan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada YBhg Dato' Ketua Pengarah di atas Anugerah Khas KPWKM dan 52 orang warga LPPKN yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 daripada YB Menteri baru-baru ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

## **MENJELANG USIA 50 TAHUN LPPKN**

3. **INSYAALLAH**, tinggal 50 hari lagi sahaja lagi kita kana meraikan 50 tahun usia LPPKN. Usia 50 tahun adalah satu jangka waktu yang panjang bagi seseorang insan. Jika dilihat dari aspek pusingan hidup seseorang sudah tentunya sepanjang tempoh tersebut pelbagai peristiwa dan pengalaman banyak telah ditempuh. Peristiwa yang ditempuhi ini mencorakkan kehidupan di

hari-hari muka yang perlu dilalui seterusnya. Begitu jugalah dengan sesebuah organisasi seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Sepanjang tempoh kematangan dan tegaknya LPPKN selama 49 tahun, tentunya telah mengalami berbagai-bagai peristiwa dan perubahan.

4. Bermula dengan khidmat perancangan keluarga demi kebajikan ibu dan anak pada tahun 1966, melalui pengisytiharan penubuhan Lembaga Perancang Keluarga Negara Malaysia (LPKN) oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak Bin Dato' Hussein, Rang Undang-undang mengenai perancangan keluarga telah diluluskan menjadi sebuah undang-undang ***Family Planning Act Bil 42 Tahun 1966***. Pada tahun 1984 telah membawa kepada pertukaran nama Akta daripada Akta Perancang Keluarga kepada Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Selaras dengan pindaan tersebut, nama yang dahulunya di kenali sebagai Lembaga Perancang Keluarga Negara telah ditukar kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Pada peringkat awal penubuhan LPKN diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri dan kemudian ke Kementerian Hal Ehwal Wanita; Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan kini Kerajaan dan antarabangsa telah mengiktiraf Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebagai salah satu agensi di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sebagai agensi utama untuk membangunkan penduduk Malaysia yang berkualiti menerusi pengukuhan institusi kekeluargaan.

5. Pelbagai peristiwa pahit maung yang telah dilalui bersama organisasi yang kita cintai ini. Ia telah berjaya menjalani proses perubahan dari Lembaga Perancang Keluarga Negara (LPKN) pada asalnya, sebelum menjadi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) seperti yang dikenali sekarang. Fungsi asal penubuhannya yang hanya menumpu kepada perkhidmatan perancang keluarga juga turut berubah kepada fungsi yang jauh lebih meluas, seiring dengan keperluan semasa masyarakat dan geopolitik di negara kita. Proses ini akan terus-menerus berlaku, dan kita semua sebagai warganya perlu terlibat sama untuk memastikan organisasi yang kita sayangi ini kekal relevan dan terus cemerlang pada masa akan datang.

### **LPPKN : 50 TAHUN MEMBINA KELUARGA SEJAHTERA**

6. Kepada seluruh warga kerja LPPKN, tahniah saya ucapkan di atas mengangkat membawa LPPKN iaitu 50 hari lagi, kita akan bersama-sama menyambut kegemilangan LPPKN, 50 Tahun menyumbang ke arah peningkatan kesejahteraan penduduk dan keluarga di negara tercinta, Malaysia. LPPKN berdiri teguh dengan 936 orang anggota di seluruh Negara. Dan setiap seorang daripada anggota LPPKN ini adalah penyumbang kepada kegemilangan LPPKN. Ini adalah kerana setiap anggota LPPKN ini lah yang telah bekerja keras dan memberi perkhidmatan yang cemerlang dalam tempoh 50 tahun untuk menempatkan LPPKN di pesada sekarang. Kita seharusnya berbangga dengan pencapaian kita kerana telah menjalankan fungsi kita dengan jayanya sebagaimana yang termaktub dalam Akta penubuhan LPPKN. Ulang tahun ke-50 LPPKN pada tanggal 10 Jun 2016 yang hampir tiba boleh dijadikan

landasan terbaik untuk memastikan kemampuan LPPKN berterusan dan menentukan peranannya terus berwibawa serta lebih berkesan dalam mencorakkan institusi kekeluargaan dan demografi penduduk di Malaysia. Maka itulah yang akan kita julangkan sempena Sambutan Jubli Emas kali ini yang bertemakan “Membina Keluarga Sejahtera.

7. Pelbagai cabaran dan rintangan telah dilalui sepanjang 50 tahun yang lalu, dan pengalaman ini seharusnya mematangkan lagi gerak kerja dalam mengimplementasi aktiviti dan program yang lebih berimpak tinggi untuk menggalas amanah sebagai sebuah agensi utama yang bervisikan “MENJADI ORGANISASI KECEMERLANGAN PENDUDUK DAN KELUARGA”.

8. Pencapaian kita di LPPKN semenjak 1966 adalah terlalu banyak untuk saya huraikan. Tetapi dalam masa dua-tiga tahun ini, LPPKN patut berbangga kerana telah berjaya melaksanakan program-program yang berimpak tinggi seperti Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (KPKM) Siri Ke-5 yang menjadi asas kepada penggubalan dasar-dasar Negara berkaitan kependudukan dan kekeluargaan. Di samping itu juga, baru-baru ini, LPPKN telah berjaya melahirkan 251 graduan baru MamaCare yang akan mengubah corak kehidupan wanita-wanita B40 dan menyumbang ke arah peningkatan ekonomi Negara. Baru minggu yang lepas, YBhg. Dato' KP telah mengharumkan nama LPPKN dan juga Negara kita, Malaysia di pesada antarabangsa iaitu di New York semasa menghadiri *49th Session United Nation Commission on Population and Development (UNCPD)*.

## CABARAN UNTUK LPPKN KEKAL RELEVAN

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

**9.** Ingin saya ingatkan, pencapaian kita selama 50 tahun itu tidak seharusnya membuat kita leka atau berpuas hati dengan apa yang telah dijayakan. Kita tidak sepatutnya berada dalam *Comfort Zone* dan selesa dengan *status quo*. Ini adalah kerana peranan LPPKN terus berkembang dan menjadi lebih mencabar dengan keadaan persekitaran yang kian berubah dan kekangan sumber sedia ada. Untuk meneruskan kesinambungan 50 tahun akan datang, LPPKN perlu melakukan transformasi. Kita perlu berubah, kerana hanya dengan perubahan sahaja dapat mengekalkan relevansi kita dalam memenuhi keperluan pemegang taruh (*stake holders*) yang sentiasa berubah. Perubahan itu ini bukan lagi satu pilihan, bahkan ia adalah satu keperluan. Tanpa sebarang perubahan yang betul, kita akan jadi usang dan tidak relevan. Hanya dengan melalui satu proses transformasi yang terarah maka kita akan mampu kekal relevan. Mungkin antara kita pernah juga mendengar satu ungkapan, "*Nothing remains the same in this world, except change*".

**10.** Saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan sekalian kepada perkataan ini, Disruptions. Dalam Bahasa Kebangsaannya adalah Gangguan. Disruptions adalah satu perkataan yang sering digunakan pada ketika ini, terutama sekali dalam bidang Teknologi. Teknologi atau lebih dikenali ICT, telah banyak mengubah corak cara kita bekerja atau membuat transaksi. Sekarang ini, bil boleh dibayar secara atas talian, tak payah lagi

beratur di bank; malah kalau nak beli makanan pun sekarang boleh dibuat secara atas talian dan penghantaran boleh dibuat terus ke rumah atau ofis. Wujudnya Uber dan GrabTaxi telah menggugutkan abang-abang dan kakak-kakak teksi biasa kita; sampaikan mereka berdemonstrasi. Kita juga tidak ingin menjadi seperti NOKIA yang dahulu kalanya megah dengan telefon bimbit yang canggih tetapi sekarangnyanya telah lenyap begitu saja.

**11.** Apa yang ingin saya nyatakan di sini adalah kita di LPPKN perlu harus peka dengan disruptions yang berlaku di persekitaran kita. Pergolakan teknologi memaksakan kita berubah. Perkhidmatan yang kita sampaikan dan cara kita bekerja harus lebih bersesuaian atau relevan dengan kehendak pelanggan kita yang kian technology savvy dan di samping itu juga, kita perlu memenuhi kehendak stakeholders kita. Memandangkan kumpulan sasaran kita adalah seluruh Rakyat Malaysia, maka kita perlu memikirkan bagaimana kita boleh memastikan aksesibiliti segala maklumat dan perkhidmatan yang kita sediakan. Adalah membazir kalau kita bekerja keras menyediakan maklumat dan perkhidmatan sekiranya tidak dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran kita. Oleh yang demikian, baru-baru ini, kita telah melaksanakan proses transformasi dari aspek struktur organisasi dan juga perkhidmatan yang kita sampaikan dalam usaha menonjolkan lagi bisnes teras LPPKN.

**12.** Kita semua di LPPKN perlu sedar juga bahawa pada hakikatnya, kreativiti dan inovasi adalah rules of the games pada era ini. Maka dengan itu, bagi memastikan pemerkasaan LPPKN, aspek kreativiti dan inovasi dalam semua perancangan serta implementasi aktiviti dan program adalah amat signifikan dalam



mencapai misi LPPKN “MEMACU AGENDA KEPENDUDUKAN DAN KEKELUARGAAN YANG INOVATIF MELALUI DASAR, KAJIAN DEMOGRAFI, PROGRAM DAN PERKHIDMATAN”.

**13.** Saya dan semua ahli-ahli lembaga amat mengharapkan agar semua warga LPPKN di semua peringkat terus berjuang untuk mencapai KPI LPPKN dan juga menjulang harapan bangsa dan negara kita, Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020 dan mempunyai tahap kesejahteraan keluarga yang mengagumkan.

**14.** Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih sekali lagi kepada Sektor Teknologi Maklumat selaku penganjur majlis kita yang cukup simbolik pada petang ini. Saya percaya segala persiapan dalam menjayakan perhimpunan bulanan ini dilakukan atas semangat kekitaan dan kekeluargaan yang kita bina selama ini, sekali gus membolehkan pertemuan pada hari ini dapat direalisasikan dengan begitu jayanya.

**15.** Akhir kata, saya menyeru semua warga LPPKN merasai kehangatan dan kebanggaan 50 tahun LPPKN dan memberikan kerjasama serta komitmen yang jitu dan penuh semangat untuk menjayakan aktiviti dan program yang telah dirancang sempena sambutan 50 Tahun ini. Saya berdoa dan berharap tahun 2016 dan tahun seterusnya akan membawa lebih banyak kejayaan kepada LPPKN. Marilah kita bersama-sama menanamkan azam dan tekad untuk menyumbang ke arah mencapai Visi dan Misi LPPKN, organisasi yang kita sayangi ini. Semoga Allah memberkati segala usaha kita dan memberikan kejayaan kepada kita semua. Amin Ya

Rabbal 'Alamin. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan *Countdown* 50 hari menuju ke detik Sambutan Jubli Emas LPPKN dalam Membina Keluarga Sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Wabilahi Taufiq Wal Hidayah. Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.